

30/09/1998

Masyarakat dunia tidak boleh terlalu fanatik

KUALA LUMPUR, Selasa -Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan masyarakat dunia tidak boleh terlalu fanatik kepada mana-mana sistem di dunia, termasuk kuasa pasaran kerana ia tidak sempurna.

Sebagai contoh, Perdana Menteri berkata ada yang menganggap sistem kuasa pasaran sebagai sistem yang sempurna, tetapi dunia telah melihat bagaimana sistem itu menghancurkan masyarakat, negara dan rantau ini.

Menurutnya, manusia berusaha mewujudkan sistem yang ideal bagi semua, termasuk mencipta pelbagai sistem seperti feudalisme, demokrasi, masyarakat kapitalis dan komunis.

Bagaimanapun, beliau berkata akhirnya semua sistem itu gagal kerana wujud kecenderungan untuk terlalu fanatik terhadap semua sistem itu.

Dr Mahathir berkata, setelah melihat kegagalan, masyarakat dunia harus mengkaji semula sistem berkenaan dan mencari jalan bagi membetulkan kesalahan itu.

"Semua yang dicipta oleh manusia sebenarnya jauh daripada sempurna. Idealisme hari ini menyokong pengaliran modal bebas kerana ia dianggap mewujudkan dunia yang lebih baik kerana negara miskin akan menerima modal daripada negara kaya.

"Tetapi seperti yang kita tahu negara miskin bertambah fakir kerana negara kaya datang untuk menjadikan negara terbabit kaya buat sementara sebelum mengeluarkan semula semua dana dan menjadikan semua negara membangun lebih buruk daripada sebelum ini.

"Jadi, kita mesti mengelakkan diri daripada menjadi terlalu fanatik kepada satu-satu sistem.

"Sebagai contoh, pasaran bebas bukannya satu sistem yang sempurna, seperti juga pengaliran bebas modal dan kuasa pasaran. Semua ini bukan sistem yang sempurna untuk mewujudkan masyarakat sempurna.

"Jika ada sebuah masyarakat ideal kita mesti berupaya untuk menyesuaikannya. Apabila kita melihat ia terlalu jauh menyimpang daripada laluan yang lurus, kita mesti menghentikannya dan membawanya semula ke laluan yang lurus," katanya pada sesi dialog `Komanwel Maya' sempena Pameran dan Persidangan Multimedia Asia '98 dengan lapan anggota panel selama 90 minit.

Sesi bertemakan `Pemerintahan Dalam Dunia Berangkai: Ke Arah Masyarakat Madani Sedunia' itu merentasi zon masa dan dijalankan melalui forum terbuka yang boleh diikuti di seluruh dunia, secara langsung melalui Internet.

Dr Mahathir juga berkata, tiada pihak di dunia yang wajar memaksa sistem, nilai malah cara menguruskan negara dan perniagaan mereka terhadap pihak lain.

Sebagai contoh, ada persatuan `gay' di sebuah negara Barat yang mengedarkan Viagra kepada ahlinya dan perkara seumpama itu tidak diterima dalam masyarakat negara ini.

(END)